

Rujukan: KBS.KEW.S.4-0/54 ( 5 )



**ARAHAN PEGAWAI PENGAWAL  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN  
BILANGAN 2 TAHUN 2016**

**PERATURAN TUNTUTAN PERJALANAN MENGGUNAKAN  
PERKHIDMATAN TEKSI DAN KERETA SEWA**

Ketua Pegawai Eksekutif Sekretariat Sukan SEA

Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara

Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara

Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Sukan Negara

Pendaftar Pertubuhan Belia

Pesuruhjaya Sukan

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Penyelidikan Pembangunan Belia

Semua Setiausaha Bahagian

Ketua Akauntan

Ketua Unit Audit Dalam

Pengarah Pusat Belia Antarabangsa

Penasihat Undang-undang

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Stadium Malaysia

Ketua Unit Integriti

Ketua Unit Komunikasi Korporat

Semua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri

Semua Pengarah Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara

Semua Pengarah Institut Kemahiran Belia Negara

Semua Pengarah Akademi Pembangunan Belia Malaysia

## 1. TUJUAN

- 1.1 Arahan Pegawai Pengawal Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Bilangan 2 Tahun 2016 bertujuan untuk memaklumkan mengenai peraturan tuntutan perjalanan menggunakan perkhidmatan teksi dan kereta sewa.

## 2. PELAKSANAAN PERATURAN

- 2.1 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia **WP 1.4 Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera dan Polis)** menjelaskan seseorang pegawai yang tidak menggunakan kenderaan sendiri atau kenderaan yang disediakan oleh Kerajaan atau Penganjur bagi menjalankan tugas rasmi, sama ada di dalam atau luar Ibu Pejabatnya, adalah layak menuntut Tambang Pengangkutan Awam antaranya perkhidmatan teksi dan kereta sewa dengan disokong dengan resit sekiranya resit ada dikeluarkan.
- 2.2 Sebagai langkah kawalan dalaman dan supaya Kementerian Belia dan Sukan tidak menerima teguran oleh Pasukan Audit, semua tuntutan perjalanan yang melibatkan perkhidmatan teksi dan kereta sewa **perlu**

**disertakan dengan resit asal** yang dikeluarkan oleh teksi dan kereta sewa berkenaan. Sebarang tuntutan perjalanan tambang teksi dan kereta sewa tanpa resit **tidak akan dipertimbangkan.**

### 3. TARIKH KUAT KUASA

3.1 Arahan Pegawai Pengawal Kementerian Belia dan Sukan Bilangan 2 Tahun 2016 ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2016.**

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

*Salam hormat,*



**(DATO' LOKMAN HAKIM BIN ALI)**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Belia dan Sukan

Tarikh: ~~28~~ Jun 2016

Salinan Kepada:

Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik)

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Setiausaha Sulit Kanan Menteri Belia dan Sukan

Setiausaha Sulit Kanan Timbalan Menteri Belia dan Sukan